



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 29 / 2024	Membaik Pulih Cerun Runtuh Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran, Pahang Darul Makmur.	Gred G1 Kategori Awam, Pengkhususan CE21	RM20.00 (Tunai/Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/Bank Deraf) Atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Maran	29.07.2024 (Isnin) hingga 02.08.2024 (Jumaat) Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini. Sesi lawatan tapak ini tidak diwajibkan .	29.07.2024 (Isnin) hingga 02.08.2024 (Jumaat) 8:30 pagi hingga 4:30 petang di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.

2. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** oleh PPK semasa membuat pembelian sebutharga. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan bagi kontraktor yang berada di Luar Daerah Maran.
3. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **05 Ogos 2024 (Isnin) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,


Sr MAZAITUN HANI BINTI ZAINON, PKT., MRISM.

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Maran

Tarikh **23** Julai 2024